

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**  
**BILANGAN 1/1995**

---

**PINDAAN PENURUNAN KUASA KEBENARAN PINDAHMILIK**  
**KEPADA AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

---

Adalah saya dengan hormatnya memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang bersidang pada 17hb. Mei 1995 telah membuat keputusan meminda penurunan kuasa kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi menimbangkan permohonan kebenaran pindahmilik seperti yang terdapat di dalam sekatan kepentingan hakmilik tanah. Pindaan tersebut dibuat selaras dengan perubahan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selepas Pilihanraya Umum baru-baru ini.

2. Bagi pindahmilik tanah individu Bumiputra ke Bumiputra/ bukan Bumiputra ke bukan Bumiputra/bukan Bumiputra ke Bumiputra dan yang bukan ahli keluarga maka penurunan kuasanya adalah seperti berikut:-

- |      |   |   |  |
|------|---|---|--|
| 2.1. | Y.B. Dato' Zainal bin Dahalan                   | - | (i) Daerah Sabak Bernam<br>(ii) Daerah Petaling  |
| 2.2. | Y.B. Dato' Mohd. Aini b. Hj. Taib               | - | Daerah Kuala Selangor  |
| 2.3. | Y.B. Dato' Tang See Hang                        | - | Daerah Gombak (Mukim Batu dan Rawang) – bagi kawasan-kawasan yang termasuk di dalam Parlimen Selayang) |
| 2.4. | Y.B Tuan S.S Rajagopal                          | - | Daerah Klang   |
| 2.5. | Y.B. Dato' Zainal Abidin b. Ahmad               | - | (i) Daerah Hulu Langat<br>(ii) Daerah Sepang   |
| 2.6. | Y.B. Datin Paduka Hajah Rakibah bt. Abdul Manap | - | Daerah Gombak – bagi kawasan-kawasan yang termasuk di dalam Parlimen Gombak)                           |
| 2.7. | Y.B Tuan Ch'ng Toh Eng                          | - | Daerah Hulu Selangor   |
| 2.8. | Y.B Tuan Abdul Fatah b. Iskandar                | - | Daerah Kuala Langat  |

2. Oleh yang demikian, semua Pentadbir Tanah adalah diminta supaya meletakkan syarat seperti itu di dalam perakuannya apabila menyediakan kertas EXCO yang berkaitan, iaitu bagi menggantikan syarat 30% rumah kos rendah yang sedang terpakai sekarang. Bagi permohonan yang melibatkan tanah yang luasnya kurang dari 5 ekar, maka syarat tersebut adalah dikecualikan. Peratusan ini juga terpakai bagi tanah pegangan Melayu dalam Rizab Melayu.

3. Bagi kelulusan tukar syarat yang diberi sebelum ini yang dinyatakan oleh para 2.2. keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut, maka peraturan ini hendaklah dikenakan sehingga ke peringkat kelulusan pecah sempadan mengikut Seksyen 135 atau 183 Kanun Tanah Negara.

4. Dengan demikian maka Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diminta melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut mulai dari tarikh Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

TT

**(HAJI MD. YUSUP BIN BADUL)**

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 10hb. Julai, 1995

Bil.(10)dIm.PTG.Sel.32 PT 3

**\* PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.2/1997\***